

# Bantu mangsa banjir di Pahang

**B**ANK Muamalat menyerahkan sumbangan berjumlah RM20,000 kepada Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk disalurkan kepada mangsa banjir di Kuala Lipis, Pahang.

Penyerahan replika cek tersebut dilakukan oleh Pengurus Cawangan Bahagian Selatan, Shahrudin Abd Aziz kepada Timbalan Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat), Prof. Dato' Dr. Abdul Razak Omar dalam pertemuan yang berlangsung hampir sejam itu.

Shahrudin berterima kasih kepada UTHM atas inisiatif yang diambil selama ini bagi membantu mangsa banjir tanpa mengira tempat dan lapisan masyarakat. Keprihatinan yang ditunjukkan oleh universiti ini telah menggamit perhatian pihaknya untuk turut sama menghulurkan sumbangan kepada mereka yang memerlukan.

"Bank Muamalat Malaysia Berhad bukanlah satu institusi kewangan yang hanya mementingkan keuntungan semata-mata, tetapi kami juga sangat mementingkan penerapan nilai-nilai tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam organisasi kami. Atas dasar inilah



**SHAHRUDDIN ABD AZIZ (kiri) menyerahkan replika cek sumbangan mangsa banjir kepada Dr. Abdul Razak Omar di UTHM, Batu Pahat, Johor baru-baru ini.**

hari ini pihak kami terpanggil untuk turut sama menghulurkan bantuan," katanya.

Menurut beliau lagi, institusi terbabit sebelum ini turut prihatin terhadap kakitangannya yang menjadi mangsa kepada bencana ini. Selain sumbangan kewangan, pihaknya juga membuat

kutipan amal berupa pakaian dan barangan keperluan harian dalam kalangan staf untuk disalurkan kepada mereka yang terlibat.

Dalam pertemuan itu juga, Abdul Razak ada menyatakan bahawa UTHM kini sedang merancang untuk membina

"Rumah Komuniti" di Kuala Lipis bagi menempatkan mangsa-mangsa yang kehilangan rumah akibat bencana tersebut. Rumah komuniti yang dimaksudkan ialah satu rumah sementara yang dibina khas untuk penginapan mangsa banjir sehinggalah mereka mendapat bantuan tetap daripada pihak kerajaan.

Jelasnya lagi, rumah tersebut direka bentuk dengan teliti oleh tenaga pakarnya mengikut kesesuaian semasa agar ianya lebih praktikal untuk digunakan dalam jangka masa yang panjang.

"Selain menempatkan mangsa-mangsa banjir, rumah yang menelan belanja kira-kira RM30,000 itu juga akan dijadikan 'homestay' pada masa akan datang bagi menjana pendapatan untuk kebajikan penduduk di daerah itu," katanya.

UTHM baru-baru ini turut menerima permohonan daripada pihak GiatMARA Kuala Lipis untuk menghantar pelajarinya bagi membantu kerja-kerja pembinaan rumah tersebut. Pihak universiti menyambut baik permohonan itu dan bercadang akan memulakan kerja-kerja pembinaan dalam tempoh terdekat ini.